

POLISI

HAK ASASI MANUSIA

NO. RUJUKAN: SCG/Policy/07

TARIKH KUATKUASA: 04 JANUARI 2021

ISU: 01
SEMAKAN: 00

Diluluskan oleh Lembaga Pengarah SCG pada 04 Januari 2021

Isi Kandungan

Isi Kandungan.....	2
0.0 PENGENALAN & TUJUAN	4
1.0 SKOP.....	4
2.0 KOMITMEN.....	4
3.0 PELAKSANAAN	5
4.0 TANGGUNGJAWAB DAN PELAPORAN.....	6
5.0 TARIKH BERKUAT KUASA.....	6

Rekod Pindaan

Mukasurat	Isu / Semakan	Butiran Pindaan	Tarikh Isu / Semakan
Semua	01/00	Isu Pertama	04 Jan 2021

O.O PENGENALAN & TUJUAN

Di Sunway Construction Group (SCG), kami menghormati dan menyokong Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat serta Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, dan hak semua pekerja dan juga rakan perniagaan kami. Kami menggunakan rangka kerja ini sebagai panduan dalam pembangunan dan pelaksanaan polisi ini.

1.0 SKOP

- 1.1 Polisi ini terpakai kepada semua pengarah, pekerja SCG, serta rakan perniagaan kami seperti rakan kongsi, ejen, vendor, pembekal, kontraktor, perunding, dan mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga lain atau individu yang menjalankan perkhidmatan untuk atau bagi pihak SCG.
- 1.2 Kami komited untuk bekerjasama dengan pengarah, pekerja dan rakan perniagaan kami bagi memastikan mereka menegakkan kehormatan terhadap hak asasi manusia seperti yang digariskan dalam polisi kami dan menggalakkan mereka untuk mempunyai komitmen yang sama dalam amalan perniagaan mereka sendiri.

2.0 KOMITMEN

- 2.1 Sebagai warga korporat global yang bertanggungjawab, kami akan berusaha untuk mencapai piawaian dan amalan yang selaras dengan prinsip yang diiktiraf di peringkat antrabangsa, tertakluk kepada undang-undang dan peraturan negara serta wilayah di mana kami beroperasi. Kami tidak bertolak ansur terhadap amalan buruh yang tidak beretika seperti buruh kanak-kanak, buruh paksa atau wajib, serta sekatan terhadap kebebasan bergerak.
- 2.2 Kami menghormati hak-hak pekerja, pihak-pihak berkepentingan dan komuniti-komuniti melalui komitmen kami yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada:
 - a) **Menyediakan Peluang Sama Rata:**
Kami menggalakkan kepelbagaian dan keterangkuman serta tidak akan membenarkan sebarang bentuk diskriminasi.
 - b) **Menghormati Kebebasan Berpesatuan:**
Kami menghormati hak-hak pekerja untuk menyertai atau menubuhkan kesatuan sekerja pilihan mereka, tanpa rasa takut terhadap tindakan balas atau gangguan, serta untuk berunding secara kolektif. Di mana hak kebebasan berpesatuan dan perundingan secara kolektif disekat oleh undang-undang, kaedah alternatif bagi persatuan bebas dan perundingan yang bebas harus disediakan kepada semua pekerja terlibat.
 - c) **Menghapuskan sebarang Bentuk Gangguan atau Penindasan:**
Kami akan mengekalkan persekitaran kerja yang bebas daripada penindasan fizikal, psikologi atau lisan, ancaman penderaan, serta

gangguan seksual atau lain-lain. Kami menyediakan persekitaran kerja yang kondusif yang berasaskan kesamarataan dan saling menghormati. Kami mengambil semua langkah yang munasabah untuk mencegah insiden sedemikian dan menangani sebarang laporan gangguan seksual dengan segera dan secara adil, secara sulit dan berhati-hati.

Page | 5

d) **Meningkatkan Keselamatan dan Kesihatan:**

Kami berusaha menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat, terjamin dan kondusif. Setiap pekerja mestilah mematuhi dengan teliti semua undang-undang dan peraturan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar di mana-mana negara tempat mereka bekerja serta polisi dan prosedur Kumpulan kerana keselamatan dan kesihatan adalah tanggungjawab bersama.

e) **Buruh Paksa / Wajib:**

SCG dan pembekal serta subkontraktornya tidak boleh dengan sengaja menggunakan atau menggalakkan penggunaan buruh paksa atau buruh terikat dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mencegah penggunaan buruh tersebut dalam aktiviti mereka.

f) **Melindungi Hak Kanak-Kanak:**

Kami akan mematuhi peruntukan umur minima sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan yang terpakai, selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-Kanak dan standard/piawaian yang relevan di bawah Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Kami komited untuk memastikan tiada kanak-kanak diambil bekerja secara langsung oleh SCG atau kontraktor SCG.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Pendekatan kami untuk mencegah impak negatif terhadap hak asasi manusia terbahagi kepada tiga bahagian:

- a) Komitmen awam untuk menghormati hak asasi manusia;
- b) Proses berterusan bagi usaha wajar terhadap hak asasi manusia; dan
- c) Proses untuk menyediakan akses untuk memberikan remedi bagi individu yang terjejas/mengalami kemudaratan yang disebabkan atau disumbangkan secara langsung atau tidak langsung oleh aktiviti perniagaan.

3.2 Kami komited untuk menjalankan semakan dan penilaian berkala terhadap aktiviti perniagaan kami bagi mengenal pasti impak positif dan negatif terhadap hak asasi manusia; dan seterusnya mengintegrasikan hasil mitigasi ke dalam sistem kawalan dalaman kami sekiranya bersesuaian.

3.3 Melalui inisiatif kesedaran, latihan dan komunikasi, kami akan melibatkan dan mendidik semua peringkat tenaga kerja dalam SCG supaya mereka memahami tanggungjawab mereka terhadap hak asasi manusia dan memperkasakan mereka untuk mempengaruhi dan menggalakkan rakan perniagaan kami secara positif.

4.0 TANGGUNGJAWAB DAN PELAPORAN

- 4.1 Tanggungjawab untuk menghormati hak asasi manusia terletak pada semua pekerja kami. Penyeliaan polisi ini diketuai oleh Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Kemampanan, Jabatan Audit Dalaman dan Kumpulan Sumber Manusia. Pelaksanaan dan pentadbiran polisi ini adalah tanggungjawab pihak pengurusan dalam setiap unit perniagaan.
- 4.2 Dalam SCG, terdapat prosedur aduan dan saluran pendedahan maklumat yang telah ditubuhkan dengan kukuh yang tersedia untuk semua pekerja kami dan pihak luar. Pekerja yang membuat pendedahan maklumat akan diberikan perlindungan terhadap kerahsiaan identiti dan dilindungi daripada sebarang tindakan buruk dan menjejaskan ke atas pendedahan terhadap sebarang salah laku yang dilakukan. (*Rujukan: Polisi dan Prosedur Pendedahan Maklumat*)

Page | 6

Kami komited untuk menyiasat semua pelanggaran polisi ini melalui:

Emel : whistleblowing.scg@sunway.com.my

Talian Whistleblowing : +603 5639 8033

Talian Terus : Ketua Audit Dalaman – SCG atau Pengerusi
Jawatankuasa Audit
+603 5639 8301

Alamat : Jabatan Audit Dalaman – SCG
Aras 4.2, Menara Sunway,
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway,
47500 Selangor Darul Ehsan, Malaysia

5.0 TARIKH BERKUAT KUASA

- 5.1 Polisi ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Kumpulan Sunway Construction Berhad dan berkuat kuasa mulai 04 Januari 2021.